



KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor yang berdaftar di Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) / Kementerian Kewangan, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi melaksanakan kerja-kerja seperti berikut:-

BIL	TAJUK KERJA
1	No. Sebut harga : MPK 300-3/1/1 (T) KERJA-KERJA MEMBEKAL ALAT TULIS KOMPUTER (TONER/ CARTRIDGE/ RIBBON/ CD/ DISKET) UNTUK SELURUH JABATAN DI MAJLIS PERBANDARAN KLANG BAGI TAHUN 2017.

TARAF SEBUT HARGA & SYARAT-SYARAT PENDFTARAN	LAWATAN TAPAK (TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT)	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH, WAKTU DAN TEMPAT TAWARAN TUTUP
<p>BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN & KOD BIDANG 020601 atau 210105 & BERDAFTAR DENGAN UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI SELANGOR (UPEN) & BERDAFTAR DENGAN E-Tender Negeri Selangor</p>	<p>TAKLIMAT (KEHADIRAN ADALAH DIWAJIBKAN) & TAKLIMAT : TARIKH 18/01/2017 (RABU) MASA : 2.30 petang TEMPAT : Mini Auditorium, Pejabat MPK Jalan Tengku Kelana</p> <p>Nota : Dokumen sebut harga hanya akan dijual kepada kontraktor yang menghadiri taklimat sahaja.</p>	<p>MULAI : 18/01/2017 (RABU) Penjualan secara Online</p> <p>* Sila kemaskini maklumat syarikat dalam laman web http://tender.selangor.gov.my untuk melancarkan proses pembelian dokumen.</p>	<p>TARIKH TUTUP : 24/01/2017 (SELASA) Bahagian Ukur Bahan Tingkat 1, Pejabat MPK Jalan Tengku Kelana (Pusat Sumber) Lot 175, Jalan Tengku Kelana, 41000 Klang Selangor Darul Ehsan</p> <p>Sebutharga yang lewat diterima tidak akan dilayan.</p>

SYARAT-SYARAT :-

1. Setiap dokumen Sebut harga dijual dengan harga **RM 40.00** Wang pembayaran tidak akan dikembalikan.
2. Dokumen meja tawaran dipamerkan mulai **18 JANUARI 2017** di laman web <http://tender.selangor.gov.my> di setiap bahagian iklan yang dipamerkan.
3. Penyebutharga perlu terlebih dahulu mendaftar secara on-line di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my> sebelum pembelian Dokumen Sebutharga dan mengemaskini maklumat pendaftaran **UPEN** dan **CIDB**. Sekiranya gagal berbuat demikian Penyebutharga adalah tidak layak untuk membeli dokumen Sebutharga tersebut.
4. Dokumen Sebutharga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam **SAMPUL SURAT BERLAKRI** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga seperti tertera di atas.
5. Penyebutharga yang tidak mendapat apa-apa jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.
6. Wakil yang hadir ke lawatan tapak / taklimat perlu membawa surat wakil dari syarikat, **SATU** nama mewakili **SATU** syarikat.
7. Penyebutharga diwajibkan membawa **COP SYARIKAT** semasa menghadiri lawatan tapak / taklimat.
8. Penyebutharga adalah diwajibkan untuk melaporkan diri dan menghadiri lawatan tapak yang akan diadakan pada **18 JANUARI 2016** jam 2.30 petang di Mini Auditorium, Pejabat MPK Jalan Tengku Kelana. Maklumat lawatan tapak akan dimaklumkan semasa taklimat.
9. Penyebutharga yang tidak menghadiri lawatan tapak / taklimat tidak layak untuk menyertai sebutharga.
10. Penyebutharga dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran **ASAL** atau **SALINAN** Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan (**MOF**), Unit Perancang Ekonomi Selangor (**UPEN**) dan Resit pembayaran **E-Tender Selangor** semasa hari taklimat.
11. Penyebutharga perlu mematuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam Arahan Kepada Penyebutharga dan Syarat-syarat Membuat Sebutharga di dalam Dokumen Sebutharga sebelum mengemukakan sebutharga. Jika dokumen sebutharga yang dikemukakan didapati tidak mematuhi syarat-syarat tersebut, Dokumen itu akan ditolak tanpa pertimbangan seterusnya.
12. Dokumen Sebutharga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan, berbangkit dengan apa jua sebab yang mungkin boleh dikemukakan, akan ditolak dan tidak dipertimbangkan.
13. Tarikh akhir penjualan Dokumen Sebutharga adalah pada **23 JANUARI 2017**. Dokumen Sebutharga tidak akan dikeluarkan selepas dari waktu tersebut. Sebarang pertanyaan sila hubungi BAHAGIAN UKUR BAHAN di talian 03-3375 8014.

Disediakan oleh :
 BAHAGIAN UKUR BAHAN
 MAJLIS PERBANDARAN KLANG